

# Penambahbaikan peraturan perlu menyeluruh

**Cadangan** penambahbaikan Peraturan Disiplin Ordinan Pendidikan 1957 bagi Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959 bagi memberi kuasa lebih jelas kepada pihak pengurusan sekolah melaksanakan tindakan disiplin oleh Kementerian Pendidikan (KPM) perlu disambut baik serta dilihat pada sudut positif.

Bagi mengatasi masalah disiplin dalam kalangan pelajar sekolah seperti buli, gangsterisme dan ponteng, tindakan tegas perlu diambil bagi mengatasinya.

Pada masa kini, ada pelbagai pekiling serta peraturan bagi mengatasi masalah disiplin dalam kalangan pelajar sekolah, namun ianya dilihat agak tidak seragam serta memerlukan beberapa usaha penambahbaikan dengan mewujudkan peraturan yang lebih jelas.

Bagaimanapun, sebelum sebarang usaha penambahbaikan dilakukan, semua pihak terbabit khususnya KPM perlu mengadakan pe-

nyelidikan serta perbincangan dengan pelbagai pihak berkaitan, untuk mengenalpasti langkah berkesan bagi mengatasi masalah disiplin dalam kalangan pelajar sekolah.

## Meliputi semua masalah

Sebarang usaha penambahbaikan yang ingin dilaksanakan terhadap peraturan terbabit perlu meliputi segala aspek masalah disiplin, bukan setakat memberi fokus terhadap aspek jenayah tertentu sahaja.

Sebarang bentuk hukuman yang ingin dilaksanakan perlu mengambilkira pelbagai jenis faktor bagi mengelak sebarang isu berbangkit pada kemudian hari.

KPM serta pengurusan sekolah perlu menjalin kerjasama dengan ibu bapa dan penjaga dalam memberi mereka kefahaman mengenai keperluan sesuatu jenis hukuman dilaksanakan terhadap anak mereka, supaya tidak wujud masalah salah faham antara sekolah dan ibu bapa serta penjaga.

Bagi sesetengah jenis masalah disiplin yang berlaku, langkah lebih komprehensif perlu diberi pertimbangan bagi mengatasinya seperti jenayah buli yang dilihat serius sejak kebelakangan ini.

Mungkin sudah sampai masanya kerajaan memikirkan untuk meminda Akta Pendidikan 1996 sedia ada, ataupun mewujudkan sebuah akta khas khusus untuk mengawal serta mengekang masalah jenayah buli di sekolah seperti diamalkan di negara maju.

## Polisi khusus sekolah

Melalui akta terbabit, setiap kes buli yang berlaku di sekolah dapat disiasat dengan lebih terperinci serta bersesuaian dengan prosedur. Akta khas itu juga dapat mewajibkan setiap sekolah untuk mempamerkan sebuah polisi khusus mengenai buli.

Melalui pengenalan polisi itu ia dapat memberi kesedaran kepada semua pihak dalam sekolah, terutamanya pembuli untuk men-

jauhan diri mereka daripada terbabit dalam kes buli.

Ia juga dapat memberi maklumat kepada mangsa mengenai hak mereka sekiranya menjadi mangsa buli, serta maklumat lengkap kepada siapa mereka harus mengadu sekiranya dibuli.

Akta terbabit juga ada memperuntukkan sekolah mewujudkan sebuah jawatan khas setaraf kaunselor untuk mengendalikan kes buli di sekolah.

Jawatan terbabit perlu diisi mereka yang berkelayakan dalam bidang psikologi serta mahir mengendalikan kes buli dalam kalangan pelajar.

Walau apa pun langkah yang ingin diambil bagi mengatasi masalah disiplin dalam kalangan pelajar, kerjasama semua pihak penting. Ibu bapa dan penjaga, masyarakat sekeliling perlu saling berganding bahu.

Info

## Disiplin sekolah

→ Peraturan Disiplin Ordinan Pendidikan 1957 bagi Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959



**Dr Muzaffar Syah Mallow**  
Universiti Sains Islam Malaysia